

KONSEP BERILMU DI KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SATU KEPERLUAN DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha
Ab. Halim Tamuri
Rohizan Ya

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jaafar @ Mustapha, M. M., Tamuri, A. H., & Ya, R. (2012). Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 289-303. ISBN 99917-44-89-4.

ABSTRAK

Guru Pendidikan Islam mempunyai kedudukan yang tinggi pada pandangan masyarakat sejak dari dahulu lagi. Mereka dianggap sebagai role model yang dapat memberi kesan kepada pembentukan akhlak individu dan masyarakat. Tugas memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah satu tugas yang mudah dan seharusnya seorang guru Pendidikan Islam itu sentiasa belajar, mengkaji dan membuat refleksi diri supaya guru itu dapat mencapai pengajarannya dengan lebih sempurna dan berkesan. Sejarah kegemilangan umat Islam terdahulu telah membuktikan bahawa umat Islam pada ketika itu mempunyai ramai ahli intelek dan menguasai pelbagai disiplin ilmu. Penekanan Islam kepada pendidikan bersepadu berjaya mencetuskan kecemerlangan peradaban dan membangunkan modal insan yang seimbang berilmu dan berakhlak. Sehubungan itu, bagi membangunkan modal insan yang dihasratkan adalah dicadangkan kurikulum latihan perguruan sedia ada dan pengamalan guru dalam bilik darjah dimantapkan dengan penghayatan ilmu, inovasi dan kreativiti. Guru Pendidikan Islam yang berkesan dikatakan memiliki sifat-sifat yang terpuji, berkemahiran, berilmu, personaliti yang boleh menyampaikan pengajaran yang berkesan dan mampu menjadikan Pendidikan Islam satu mata pelajaran yang diminati dan dihayati oleh pelajar. Justeru itu, artikel ini bertujuan membincangkan konsep berilmu di kalangan guru Pendidikan Islam dalam konteks negara Malaysia. Perbincangan mencakupi tentang konsep berilmu, penguasaan ilmu, cabaran yang dihadapi dan beberapa aspek lain sebagai cadangan dan saranan dalam meningkatkan keilmuan profesionalisme keguruan Pendidikan Islam di Malaysia.

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1): 43-56.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izahm Hamzah & Masribanun bt Duki. 2007. Penilaian Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Amalan Kepimpinan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan*. 17 (1): 33-50
- Abdel Haleem, M. 2002. *The prophet Muhammad as a teacher: Implications for hadis literature*. *The Islamic Quarterly*. 26 (2): 21-137.
- Abdul Halim el-Muhammady.1991. *Pendidikan Islam:FaUqafah,Displin dan Peranan Pendidik*. Selangor: Dewan Pustaka Islam.

- Abdullah Ishak. 1989. *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. 1999. *Pendidikan Islam \ Dinamika Guru*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd. Ahmad Mohd Salleh. 2003. *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. 2011. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI pengajian Islam & QAF*. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Al-Quranul Karim*.
- Al-Attas, Muhammad Naquib. 1976. *Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Ghazali. 2003. *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Terj. Zaid Husein Al Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man
- Aminuddin Mohd. Yusof. 1990. *Kepemimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Anis, Ibrahim.
1972. *A-Mujam al-Wasit al-Mujam al-Lughawi*. Kaherah: t.pt.
- An-Nashmy, Ajil Jasim. 1980. *Ma'alimfit-tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Manar
- Azizah Lebai Nordin. 1999. Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. 22: 173-183.
- Azman Wan Chik. 1987. *Kaedah Hayati Amali*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn.Bhd.
- Che Noraini Hashim. 2005. Keruntuhan Akhlak dan Pembangunan Remaja Masa Kini: Cabaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam(Siri4)*. *Pendidikan Islam ke Arah Kemanusiaan Sejangat*, hlm.27. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habib Mat Som & Megat A. Kamaluddin Megat Daud. 2008. Globalisasi dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia. *Jurnal Masalah Pendidikan* 31(1). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Halimah Harun 2006. Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Haniza Abdul Khalid*. 2003. *Attitude and Motivation Toward English as Medium of Instruction*. Kertas Projek Program Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langguling. 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. How, Lee Chan. 2007. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gejala Ponteng di kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Kertas Tesis Sarjana*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ishak Haron.1993. *Perubahan Dalam Pengurusan Pendidikan di Malaysia Menjelang abad ke 21*. Dim Jawatankuasa Penerbitan Khas Fakulti Pendidikan (Ed), Pendidikan di Malaysia: Arah dan cabaran.hlm.204. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* (3)1.59-74.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Za'ba*.2000. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd
- Kementerian Pelajaran Malaysia*. 1988. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*. Kuala Lumpur.
- Khairul Rizal Ramli. 2006. *Pengurusan Modal Manusia Aspek Baru Pengurusan Organisasi*. Pemikir Edisi Januari-Mac 2006. Bil 43. Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 3 — 14.
- Mohd Safaai Said & Idris Ismail. 2003. *Pengenalan Koperasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications,
- Mohd Yusof Othman. 1998. *Isu-isu dalam Ilmu dan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Menang Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Ahmad. 2002. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Hamid al-Afendi & Nabi Ahmed Baloch. 1992. *Kurikulum Dan Pendidikan Guru*. 7erj. Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin & Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nik Azis Nik Pa. 1993. *Pendidikan Islam era 2020 Tasawur dan Strategi*. Dim. Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah (pnyt). Persediaan Guru Pendidikan Islam Menghadapi Negara Maju (hlm.96-98).Selangor: Tekno Edar.
- Norasikin Fabil. 2005. Aplikasi Perisian Talaqqi Musyafahah dalam Pembangunan Perisian Multimedia Tajwid, al-Bayan *Journal of al-Quran al-Hadis* hlm.83-108.
- Norazah Mohd Nordin & Ngau Chai Hong. 2009. Pembangunan dan Penilaian Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Web - Webquest bagi Mata Pelajaran ICT. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 111 — 129.
- Norah Mohamed & Yusmilayati Yunos*.2009. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 27 (2): 73-86.
- Nur Ubbiyati, 1998. *Ilmu Pendidikan Islam*. Bandung: Pustaka Setia.

- Omardin Asahaari.1999. *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar. 1995. Beberapa Aspek Falsafah Ilmu; Konsep, Definisi, Pengkelasan dan Penggunaan. *Jurnal Kesturi*, Jilid 5, Bil.2. Disember 1995.
- Pendidikan 31*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Robiah Sidin & Nor Sakinah Mohamad. 2007. ICT dalam Pendidikan: Prospek dan Cabaran dalam Pembaharuan Pedagogi. *Jurnal Pendidikan 32*: 139-152.
- Rodiah Ahmad. 2008. Pengajaran Guru, Persekitaran Pembelajaran dan Sikap Murid dalam Pembelajaran KOMSAS. *Tesis Program Sarjana Pendidikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. 2010. Hubungan Guru-Pelajar Dan Kaitannya Dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia. 35 (2)*: 61- 69.
- Rosni Adom. 2010. *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rusdina Abdul Rahim. 1993. *Ke Arab Pengkomputeran Pengajaran Bahasa: Cakera atau fakta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sargit Singh Gill. 2006. "Hubungan Etnik Di Malaysia Ke Arah Pembentukan Masyarakat Berintegrasi" dalam Dr. Zaid Ahmad, *et al., Hubungan Etnik*. Selangor: Oxford Fajar, him. 203.
- Shahril @ Charil bin Hj Marzuki. 2002. *Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah di Malaysia*. *Fakulti Pendidikan*. Universiti Malaya.
- Shahril Marzuki & Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan di Malaysia; Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shalaby, Ahmad. 1976. *Sejarah Pendidikan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shamsul A.B, Rumaizah Mohamed & Haslindawati Hamzah. 2004. *Globalisasi, Teknologi Maklumat dan Ilmu: kertas kerja Simposium Kebudayaan Indonesia- Malaysia*, pada 8-10 Oktober. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan BBM Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (2)*: 53-64.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd Sabri Mamat 2009. Kajian Perspepsi Pelajar terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education, 1 (2)*: 31-50.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Binti Che Hussain. 2008. Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin. Bil 27*: 141-15.
- Wan Bakar Wan Dagang. 1991. *Reformasi Pendidikan Islam di Sekolah: Matlamat dan Harapan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wan Khairuddin Wan Yahya & Ab. Halim Tamuri. 2008. Aplikasi ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah dalam buku *Pengintegrasian ICT dalam Pendidikan Penyelidikan, Amalan dan Aplikasi*. Shah Alam: Publications Sdn. Bhd., him. 63.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1994. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing Sdn. Bhd.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yusuf Qardhawi. 1980. *Minhaj At- Tarbiyyah al- Islamiyyah Wamadrasah Hassan al-Banna*. Terj. Jakarta: Bulan Bintang.
- Yusuf Qardhawi. 1996. *Keutamaan Ilmu dan Kemuliaan Para Ulama' Menurut al-Quran dan al- Hadis*. Ter. M. Junaid al-Hashimi. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Zainal Abidin Abdul Kadir. 1994. *Ke Arab Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu*. Selangor: Persekitaran Bekas Maha Siswa Islam Timur Tengah.
- Zarin bin Ismail & Ab. Halim Tamuri. 2006. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Bilik Darjah: Satu Analisis Pemerhatian*. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zoraini Wati Abas. 1997. Penggunaan teknologi maklumat komputer dalam Pendidikan Islam: Keperluan dan masalah. *Kertas Kerja Seminar Pendidikan Islam Era 2020. Tasawur dan Strategi*. Bangi: Maktab Perguruan Islam.

KONSEP BERILMU DI KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SATU KEPERLUAN DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha
Ab. Halim Tamuri
Rohizan Ya

Abstrak

Guru Pendidikan Islam mempunyai kedudukan yang tinggi pada pandangan masyarakat sejak dari dahulu lagi. Mereka dianggap sebagai role model yang dapat memberi kesan kepada pembentukan akhlak individu dan masyarakat. Tugas memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah satu tugas yang mudah dan seharusnya seorang guru Pendidikan Islam itu sentiasa belajar, mengkaji dan membuat refleksi diri supaya guru itu dapat mencapai pengajarannya dengan lebih sempurna dan berkesan. Sejarah kegemilangan umat Islam terdahulu telah membuktikan bahawa umat Islam pada ketika itu mempunyai ramai ahli intelek dan menguasai pelbagai disiplin ilmu. Penekanan Islam kepada pendidikan bersepadu berjaya mencetuskan kecemerlangan peradaban dan membangunkan modal insan yang seimbang berilmu dan berakhlak. Sehubungan itu, bagi membangunkan modal insan yang dihasratkan adalah dicadangkan kurikulum latihan perguruan sedia ada dan pengamalan guru dalam bilik darjah dimantapkan dengan penghayatan ilmu, inovasi dan kreativiti. Guru Pendidikan Islam yang berkesan dikatakan memiliki sifat-sifat yang terpuji, berkemahiran, berilmu, personaliti yang boleh menyampaikan pengajaran yang berkesan dan mampu menjadikan Pendidikan Islam satu mata pelajaran yang diminati dan dihayati oleh pelajar. Justeru itu, artikel ini bertujuan membincangkan konsep berilmu di kalangan guru Pendidikan Islam dalam konteks negara Malaysia. Perbincangan mencakupi tentang konsep berilmu, penguasaan ilmu, cabaran yang dihadapi dan beberapa aspek lain sebagai cadangan dan saranan dalam meningkatkan keilmuan profesionalisme keguruan Pendidikan Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Ilmu, guru pendidikan Islam, kemahiran.

PENDAHULUAN

Ilmu merupakan teras sistem nilai agama Islam dan mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia. Tuntutan untuk mencari ilmu bukannya sekadar untuk menambah kelulusan yang ada, berjawatan lebih tinggi dan mengharapkan gaji yang lumayan bahkan lebih dari itu adalah untuk menanamkan sikap memuliakan ilmu, menuntut dan terus menghayati ilmu itu sepanjang kehidupan seseorang itu. Di Malaysia pembangunan pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Berdasarkan agenda penting ini, guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan daya usaha dan pendekatan pengajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan memastikan hasil-hasil pembelajaran yang maksimum diperolehi pelajar di sekolah. Oleh itu, guru perlu lebih kreatif dan inovatif untuk memastikan sistem penyampaian menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat pelajar untuk belajar.

Kajian-kajian yang telah dilakukan di Malaysia membuktikan bahawa faktor guru adalah signifikan dalam mempengaruhi prestasi akademik dan pembentukan peribadi pelajar. Kajian How (2007) misalnya mengemukakan faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar tingkatan dua dan empat di daerah Johor Bahru. Kajian beliau mendapati faktor yang paling dominan yang mendorong pelajar ponteng sekolah adalah disebabkan oleh faktor guru.

Rodiah (2008) pula mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara komitmen pelajar dalam pembelajaran bahasa Malaysia dengan amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Haniza (2003) juga mendapati wujudnya korelasi antara sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa Inggeris hasil daripada amalan pengajaran guru dengan pencapaian mereka dalam ujian mata pelajaran tersebut.

Menurut Zainal Abidin (1994), kajian mengenai pengajaran pendidikan Islam tertumpu pada isu-isu tentang masalah mengenai guru-guru secara umum seperti masalah kekurangan guru terlatih dan kurang berpengalaman dalam bidang keagamaan. Kenyataan ini disokong oleh (Wan Bakar 1991& Wan Mohd Zahid 1994) mengatakan ketidakupayaan guru dalam menampilkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan saling berhubung kait dengan ilmu lain serta kelemahan guru untuk berperanan sebagai model akhlak yang mulia kepada pelajar. Kajian-kajian ini telah membuktikan bahawa guru mempunyai pengaruh dan peranan penting dalam meningkatkan komitmen pelajar terhadap pelajaran mereka. Justeru berdasarkan kepada laporan-laporan dari kajian mereka, maka menjadi satu keperluan kepada guru-guru pendidikan Islam khususnya di Malaysia untuk mendalami ilmu pengetahuan bukan sekadar mencukupi ilmu yang mereka dapati ketika belajar dahulu ataupun ilmu ketika mengikuti kursus di Maktab Perguruan semata-mata. Seharusnya konsep menuntut ilmu dari buaian hingga ke liang lahad hendaklah dipraktikkan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pendidik. Tugas guru pendidikan Islam hari ini lebih mencabar dan mereka memerlukan persediaan yang lengkap termasuklah kepelbagaian ilmu pengetahuan dalam melaksanakan proses pengajaran yang berkesan di sekolah.

DEFINISI ISTILAH

Beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini membawa makna khusus dalam penulisan ini seperti mana yang dinyatakan dibawah;

Pendidikan Islam

Sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak, dan tingkah laku. (Yusuf Qardhawi 1980).

Al-Tamimi, et al. (1985) mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai pendidikan sebenarnya yang mampu memperbaiki kehidupan manusia dan mewujudkan keseimbangan peribadi seseorang insan. Islam mempunyai ciri-ciri keimanan, akhlak dan ilmu.

Istilah "Pendidikan Islam" merupakan rangkai kata yang membawa makna yang sangat luas. Dalam ungkapan ini sendiri telah tersirat konsep, falsafah dan matlamatnya. Ini agak berbeza dengan kefahaman umum masyarakat hari ini yang menganggap pendidikan Islam itu ialah Mata Pelajaran Agama Islam atau Pengetahuan Agama Islam di sekolah (Mohd Yusuf Ahmad, 2004),

Pendidikan Islam ialah satu 'kesatuan' yang terdiri daripada dua aspek yang bersepadu. Aspek yang pertama ialah bahawa sebahagian daripada ajaran Islam dan undang-undang serta moral hendaklah diajar dengan begitu rupa untuk membolehkan pelajar memahami, setakat yang memadai, asas-asas Islam. Manakala aspek yang kedua ialah untuk melatih pemikiran pelajar dengan cara yang saintifik dan rasional supaya dia dapat menyelaraskan perilakunya dengan moral, undang-undang dan keimanannya terhadap Islam (Muhammad Hamid al-Afendi et al. 1992).

Pendidikan Islam itu sendiri adalah pendidikan yang berdasarkan Islam. Isi ilmu adalah teori. Isi ilmu bumi adalah teori tentang bumi. Maka isi Ilmu pendidikan adalah teori-teori tentang pendidikan, Ilmu pendidikan Islam secara lengkap isi suatu ilmu bukanlah hanya teori (Nur Uhbiyati, 1998). Walau bagaimanapun Pendidikan Islam dalam konteks penulisan ini adalah berkaitan guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan Islam sama ada di sekolah ataupun di pusat pengajian tinggi di Malaysia.

Modal Insan

Modal insan menurut Kamus Za'ba (2000) modal didefinisikan sebagai kelebihan yang dimiliki (kecantikan, kepintaran, kekayaan dan lain-lain) yang digunakan untuk mendapatkan sesuatu yang di hajati manakala insan pula didefinisikan sebagai manusia. Menurut Khairul Rizal (2006) modal manusia adalah terjemahan secara mudah yang diberikan kepada istilah *human capital*.

Mohd Safaai et al. (2003) istilah modal insan (*human capital*) sering dikaitkan dengan kebolehan dan kemahiran manusia. Modal insan juga dirujuk sebagai buruh (*labour*) atau sumber manusia iaitu salah satu daripada faktor-faktor pengeluaran yang terdiri daripada manusia (buruh), mesin dan modal.

Modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai yang murni dan moral yang tinggi. (Sargit Singh Gill, 2006).

KONSEP BERILMU

Islam amat menganjurkan umatnya menghargai dan menuntut ilmu. Dengan perkataan lain, ilmu amat besar dan tinggi darjat serta kedudukannya. Kedudukan ilmu serta orang yang berilmu amat tinggi kedudukannya bukan sahaja di kalangan masyarakat tetapi juga di sisi agama. Islam menggariskan keutamaan ilmu pengetahuan sebegitu tinggi kerana hanya dengan ilmu sahajalah akan dapat mengeluarkan manusia daripada kegelapan justeru dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah Ta'ala.

Menurut (Noriah Mohamed & Yusmilayati Yunos, 2009) sebagaimana lumrah diketahui bahawa semua cabang ilmu pengetahuan yang ada di bumi ini tercakup dalam al-Quran. Ia merupakan kitab suci yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk disampaikan kepada umat manusia. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Mujadalah, ayat 11: Maksudnya; "*Allah mengangkat beberapa darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan*

Menurut Osman Bakar (1995) menjelaskan bahawa ilmu adalah kalimah Allah S.W.T. yang pengertiannya cukup luas sehingga kita menyebut Allah S.W.T. sahajalah yang Maha Mengetahui. Manakala al-Attas (1976) mentakrifkan pengertian ilmu mengikut perspektif Islam adalah sesuatu yang dapat memberitahu serta menjelaskan tempat yang tepat dan betul dan benar bagi sesuatu; dapat menjelaskan batasan dan had dan kegunaan dan maksud sesuatu; dapat menjelaskan perbezaan di antara yang benar dan hak dengan yang palsu dan batil, yang dapat membimbing ke arah kebenaran. Menurut beliau lagi untuk menjadikan maklumat yang diperolehi itu bersifat ilmu, maka maklumat tersebut mestilah benar. Dengan demikian salah satu tugas ilmuan adalah untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah benar. Sekiranya maklumat tersebut tidak benar ia bukan sahaja menjatuhkan martabat ilmu, malah ia merosakkan ilmu dan boleh mengakibatkan kekacauan dalam pemikiran seseorang dan juga masyarakat.

Menurut Aminuddin Mohd. Yusof (1990), sebagai pemimpin yang menjadi *role model* kepada yang dipimpin seharusnya mempunyai kemampuan dan kemahiran dalam aspek tertentu untuk melayakkan dirinya sebagai qudwah terbaik dan pemimpin yang berwibawa. Sehubungan dengan itu, ilmu pengetahuan adalah aset penting untuk memastikan wujudnya kualiti kepimpinan.

Oleh itu sebagai guru pendidikan Islam dan sebagai seorang pemimpin juga seharusnya mempunyai ilmu.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1994) pula menegaskan bahawa ilmu adalah prasyarat ke arah menjayakan cita-cita membangun sebuah negara bangsa yang maju, berwibawa dan cemerlang. Pembudayaan ilmu ialah untuk melahirkan masyarakat yang cinta akan ilmu dan kebenaran serta meletakkan ilmu di tempat tertinggi dalam sistem nilai hidup mereka. Masyarakat sebegini sentiasa berlumba-lumba untuk memiliki, memperkembang, memanfaatkan dan menghayati ilmu untuk kepentingan kehidupan seluruh manusia dan alam jagat.

Kesimpulannya konsep berilmu mengikut Islam adalah berasaskan tauhid iaitu kepercayaan kepada Allah yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Keagungan Islam adalah kerana kehebatan umatnya dalam menangani persoalan yang berhubung dengan keilmuan. Ruang litup ilmu dalam perspektif Islam adalah hal-hal yang mencakupi semua perkara yang berkaitan dengan dunia dan akhirat. Justeru, sebagai guru pendidikan Islam seharusnya berusaha untuk meningkatkan ilmunya sama ada dalam usaha membangunkan diri sendiri, keluarga dan negara.

KEPENTINGAN ILMU DALAM KEHIDUPAN

Sejarah telah membuktikan bahawa kemajuan sesuatu bangsa di dunia ini bergantung erat dengan kemajuan ilmu yang ada pada bangsa tersebut. Ilmu yang akan membawa sesuatu bangsa itu ke tahap kemuliaan, kebahagiaan dan kekuasaan. Nabi Muhammad s.a.w. telah melihat peri pentingnya peranan ilmu dalam kemajuan sesuatu bangsa kerana ajaran Islam mengangkat tinggi darjat ilmu, yang dalam mencari ilmu pengetahuan tidak mengenal batas waktu, sempadan negara, perbezaan bahasa atau kelainan agama sekalipun.

Belajarlah ilmu, kerana mempelajari ilmu kerana Allah adalah kebaikan dan menuntut ilmu adalah ibadah, kajiannya adalah seperti tasbih, penyelidikannya seperti jihad, pengajarannya adalah sedekah dan pemberiannya kepada ahliyah adalah pendekatan diri kepada Allah. Ilmu adalah penghibur di kala kesepian, teman di waktu menyendiri dan petunjuk di kala senang dan susah. Ia adalah pembantu dan teman yang baik dan penerang jalan ke syurga. (Al Ghazali 2003).

Islam telah meletakkan asas dakwah buat pertama kali kepada baginda Rasulullah s.a.w. kepada menggarap ilmu pengetahuan menerusi ayat pertama turun daripada Allah melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s. Mana mungkin baginda nabi s.a.w. mampu menyeru manusia dengan pelbagai ragam cita rasa peribadatan pada masa itu tanpa dibekalkan Allah dengan ilmu. Sesungguhnya ilmu itu boleh diperolehi dengan jalan membaca, memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah terhadap bahan-bahan ciptaan-Nya, memerhatikan kebesaran kerajaan Allah dalam mentadbir bumi dengan segala kebenaran daripada-Nya.

Menurut Yusuf Qardhawi (1996), di antara keutamaan dan keistimewaan ilmu ialah bahawa manfaat ilmu bagi pemiliknya tidak terbatas pada pahala akhirat semata. Tetapi ia juga memberi manfaat kepadanya (orang berilmu di dunia dan akhirat. Ia menggabungkan dua kebaikan baginya dan mengangkat darjatnya di sisi Allah dan di mata manusia. Hasilnya boleh dirasakan dalam waktu cepat dan lambat. Oleh itu guru Pendidikan Islam seharusnya menyedari kepentingan menuntut ilmu itu secara berterusan dan tidak ada penghujungnya kerana para ilmuan Islam sejak dari dahulu tidak pernah berhenti mencari ilmu dan menyebarkannya hinggalah ke saat kematian mereka.

GURU DAN PENDIDIKAN

Ilmu dan orang yang berilmu sangat tinggi kedudukannya dalam masyarakat dan di sisi agama. Sesebuah negara dan masyarakatnya akan dicontohi sekiranya bangsa negara tersebut mempunyai tahap ilmu yang tinggi. Individu yang berilmu akan disanjung oleh masyarakat. Guru sebagaimana diketahui umum merupakan golongan orang yang menjalankan tugas ikhtisas sebagai pendidik dan pemimpin. Guru mampu mencorakkan masa depan masyarakat dan untung nasib sesebuah negara. Seharusnya para guru menyedari akan tanggungjawab mereka dan sentiasa menjaga nama baik mereka sebagai pendidik dan pemimpin masyarakat dengan melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab secara ikhlas dan jujur.

Abdul Halim el-Muhammady (1991) menegaskan bahawa guru merupakan agen kepada keberkesanan pendidikan. Sebaik mana pun sesuatu sistem pendidikan, maksud yang ingin disampaikan tidak akan mencapai madamatnya sekiranya agen yang menyampaikan tidak efektif. Kejayaan dan keberkesanan pendidikan adalah berhubung rapat dengan kesedaran para guru terhadap tanggungjawabnya, kelengkapan ilmu dan keluhuran peribadinya. Paduan antara kemahiran keilmuan dengan keluhuran peribadi merupakan kriteria peribadi pendidik yang tidak boleh dipisahkan malahan boleh dijadikan sebagai contoh yang berkesan.

Perkembangan ilmu pengetahuan dalam dunia masa kini telah berkembang dengan pesat. Oleh itu seseorang yang tidak terus mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan yang semakin dinamik ini, lambat laun akan tentu mengalami nasib ketinggalan zaman. Kemahiran yang diperolehi oleh guru Pendidikan Islam terlatih dari maktab perguruan beberapa tahun yang lampau sudah tentu ada yang tidak sesuai lagi dalam perkembangan pendidikan semasa. Ini bermakna, untuk menyesuaikan diri dalam bidang kerja yang semakin kompleks dan canggih kerana perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat, guru pendidikan Islam seharusnya terus mengejar ilmu pengetahuan yang semakin berkembang dengan mengikuti kursus *Peningkatan Keilmuan Profesionalisme Keguruan*. Justeru itu guru Pendidikan Islam tergolong sebagai agen perubahan dan pembaharuan yang menentukan modal insan yang terbaik dengan nilai sahsiah yang

menjadi masa depan negara dan bangsa. Guru Pendidikan Islam sebenarnya merupakan aset negara untuk membentuk akhlak mulia generasi masa kini bagi mencapai matlamat yang telah digagaskan oleh kerajaan. Mereka berperanan untuk membangkitkan kesedaran hidup beragama di kalangan masyarakat melalui penghayatan iman dan amal soleh. Kesimpulannya guru Pendidikan Islam perlu berpandangan global serta luas dan tidak tertakluk kepada skop tanggungjawab sedia ada. Guru sangat memerlukan kepelbagaian pengetahuan dan keterampilan yang sesuai dengan keadaan semasa dari segi kemajuan sains dan teknologi.

MEMBUDAYAKAN ILMU

Menurut Wan Mohd Nor (1991), Budaya ilmu bermaksud kewujudan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan. Dalam budaya ini ilmu dianggap sebagai satu keutamaan tertinggi dalam sistem nilai peribadi dan masyarakat di setiap peringkat. Schubungan itu guru pendidikan Islam di Malaysia seharusnya sentiasa membudayakan ilmu dalam diri mereka.

Di samping itu mereka hendaklah memupuk nilai budaya membaca untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa, memandangkan guru Pendidikan Islam di pandang tinggi oleh masyarakat kegiatan mencari maklumat ataupun proses keilmuan itu hendaklah berterusan dan bukannya terhenti pada sesuatu peringkat umur tetapi berterusan seumur hidup.

Abdullah Ishak (1989) menyatakan untuk keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan, guru atau pendidik perlulah memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang sempurna. Antara sifat guru adalah:

Memiliki Ilmu dan Kaedah Pengajaran

Mana-mana individu yang boleh dinilai dan diberi jolokan sebagai guru termasuk guru pendidikan Islam seharusnya memiliki pelbagai ilmu pengetahuan Islam secara mendalam, terutama dalam mendalami mata pelajaran yang diajar. Mereka juga hendaklah mempunyai pelbagai jenis ilmu pengetahuan sampingan yang lain seperti psikologi, sosiologi, sejarah, bahasa dan kesusasteraan dan kewibawaan diri. Pemikiran guru terhadap sesuatu ilmu lebih-lebih lagi mata pelajaran yang diajarnya hendaklah secara mendalam hingga ke tahap meyakinkan diri sendiri dan juga murid-murid. Mereka hendaklah benar-benar berilmu dan dapat meyakinkan murid tentang keilmuannya sehingga dianggap seolah-olah sebagai ulama.

Guru Pendidikan Islam terutamanya pada pandangan masyarakat sentiasa dinilai dari pelbagai aspek terutama dari segi ketokohan, keperibadian dan kewibawaan. Mereka bukan sahaja perlu memiliki pelbagai ilmu pengetahuan secara mendalam dan pendidikan yang sempurna, bahkan hendaklah sentiasa beramal dan berpegang teguh dengan ilmu yang dimiliki. Amal ibadat yang dilakukan secara tetap berserta dengan disiplin-disiplinnya akan menjadikan mereka kuat berpegang kepada ajaran agama, warak dan bertaqwa kepada Allah. Berlandaskan situasi tersebut lahirlah perasaan ikhlas, jujur, amanah dan rasa tanggungjawab terutama dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan Pendidikan Islam.

Menurut Syed Najmuddin et.al, (2009) guru Pendidikan Islam berperanan sebagai pencetus, pengupaya, dan pengembang kepada aspek pembangunan kemahiran keinsanan (*soft skill*) seperti keutuhan kerohanian, ketekalan afektif dan tingkah laku yang mantap. Guru Pendidikan Islam menjadi penggerak utama dan role model dalam program penghayatan Islam dan kerohanian.

Dalam konteks negara kita, profesion guru di anggap sebagai golongan profesional. Oleh itu sebagai guru Pendidikan Islam mereka bukan sahaja dituntut melaksanakan tugas secara profesional tetapi seharusnya memiliki penguasaan dan kemampuan profesional. Guru profesional adalah guru yang melaksanakan tugas keguruan dengan kemampuan yang tinggi sebagai sumber kehidupan. Justeru, guru Pendidikan Islam bukan sekadar berilmu tetapi hendaklah mempunyai kebijaksanaan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan. Mereka hendaklah peka dengan berbagai-bagai-bagai kaedah pengajaran dan pembelajaran terutama kaedah-kaedah yang telah dijelaskan oleh al-Quran dan telah diamalkan oleh Rasulullah.

PENGUASAAN ILMU PEDAGOGI

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 bagi mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran mendapati bahawa taraf pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam masih rendah mutunya (Kementerian Pelajaran Malaysia 1988). Guru-guru masih lagi menggunakan pendekatan yang mudah atau lama, iaitu pendekatan menyampaikan maklumat kepada pelajar secara sehalu sahaja, tanpa mengambil kira sama ada pelajar faham atau tidak maklumat yang disampaikan. Pendekatan penggunaan bahan bantu mengajar dan kerja-kerja amali kurang dipraktikkan. Dengan lain perkataan, strategi pembelajaran lebih berfokus dan berpusatkan kepada guru. Justeru itu, masalah memilih kaedah dan strategi yang lebih sesuai perlu dilaksanakan dalam pembelajaran masa kini yang lebih berpusatkan kepada pelajar.

Azizah Lebai Nordin (1999) menekankan bahawa seseorang guru yang berkesan seharusnya mengetahui segala aspek yang terdapat dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam. Beliau bukan sahaja harus meneliti pelbagai tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran, malah perlu mengetahui falsafah dan objektif Pendidikan Islam. Hanya dengan mengetahui falsafah dan matlamat sukatan pelajaran tersebut, guru dapat membawa anak didiknya ke arah matlamat yang hendak dicapai.

Selain daripada menguasai ilmu yang berkaitan dengan isi kandungan pelajaran, para guru juga perlu menguasai pedagogi kerana dapat mendedahkan mereka kepada cara membuat perancangan yang berkesan yang merangkumi aspek persediaan pengajaran, strategi, penilaian pengajaran dan hubungan guru dengan murid. Seorang guru yang menguasai isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar, tetapi tidak dapat menguasai strategi dan kaedah pengajaran, tidak dapat menyampaikan pengajarannya dengan berkesan.

Seorang guru semestinya mempunyai ciri-ciri yang mulia, kreatif, progresif, efektif dan memastikan perkembangan setiap individu pelajar bertambah maju dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya ahli ilmu lembap dan tidak berfungsi secara sepatutnya, perkembangan dan keberkesanan ilmu dalam kehidupan masyarakat akan terjejas. Peranan guru juga adalah untuk mempertingkatkan segala potensi anak didik yang berada di bawah didikannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Jadi untuk peningkatan potensi ini secara padu maka guru memerlukan kepada kelengkapan diri yang cukup untuk memikul tanggungjawab itu.

Menurut Hasan Langgulung (1991) menjelaskan bahawa fungsi utama pendidikan untuk memindahkan nilai-nilai, ilmu dan kemahiran dari satu generasi ke satu generasi menerusi proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah satu perkara yang mudah. Proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pelbagai kaedah dan teknik yang betul dan berkesan. Bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dihasilkan secara optimum, seseorang guru perlu membuat refleksi sendiri ke atas pengajarannya terhadap pelajar. Amalan refleksi sendiri ini membolehkan seseorang guru menilai keberkesanan dirinya sebagai seorang guru (Rosni, 2010).

Seseorang guru itu perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran mengajar yang meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid dengan berkesan, iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007).

Oleh yang demikian penguasaan ilmu pedagogi di kalangan guru pendidikan Islam di Malaysia seharusnya dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kepelbagaian kaedah, teknik, strategi dan model-model pengajaran yang sesuai perlu digunakan setiap kali pengajaran dijalankan. Guru perlu mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berbeza dengan mengambil kira gaya pembelajaran pelajar yang berbeza. Gaya pembelajaran yang berbeza adalah wujud daripada sifat perbezaan antara individu dan nilai-nilai keunikan yang terdapat dalam diri setiap pelajar dalam usaha mendapatkan ilmu. Selain daripada itu guru Pendidikan Islam harus mengetahui konsep tersebut agar pengajaran yang dijalankan berkesan dan objektif yang disasarkan tercapai.

PENGUASAAN KONSEP 5M

Menurut Ab. Halim (2006), amalan-amalan yang dilakukan oleh guru diasaskan oleh lima istilah iaitu *mudarris*, *mu'addib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim*. Kelima-lima konsep ini perlu ada pada seorang guru

pendidikan Islam kerana ia mempunyai perbezaan dari sudut ciri-cirinya. Sehubungan itu sebagai guru Pendidikan Islam mereka perlu mengetahui dengan jelas konsep ini dan memiliki ilmu berkaitan dengan penguasaan 5M ini.

Guru Pendidikan Islam Sebagai Mudarris

Perkataan *mudarris* bermaksud pengajar yang berasal daripada kata kerja *darrasa* atau *tadris* yang bermaksud mengajar. Pengajaran yang berkesan boleh dipengaruhi oleh lima faktor iaitu sikap, kebolehan untuk memahami pengajaran, ketekunan, peluang dan pengajaran yang berkualiti (Shahril 2002). Faktor-faktor tersebut juga berkait rapat dengan domain *mudarris* yang merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah dalam mengamalkan amalan pengajaran yang berkesan berdasarkan lima aspek utama iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah pengajaran yang digunakan, keupayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran, kecekapan dan kemampuan membuat keputusan yang matang (Zarin Ismail & Ab. Halim Tamuri 2006). Seseorang guru hendaklah memiliki kemahiran interpersonal yang baik. Guru juga mestilah dilihat mengajar secara aktif, mengubah intonasi suara, menjarakkan pengajaran sama ada cepat atau lambat, mengaplikasikan teknik berhenti sejenak, mempelbagaikan gaya penyampaian serta melakukan pergerakan bagi merangsang deria dan minat pelajar (Omardin Ashaari 1999). Di sinilah terletak pentingnya kemahiran interpersonal seseorang guru bagi mempengaruhi sikap pelajar untuk terus mengikuti pembelajaran. Guru juga perlulah memiliki sifat kecindan atau humor yang bagus, menyebabkan mereka yang mendengar pengajaran guru tersebut merasa tidak jemu untuk terus mendengar dan sesiapaupun senang untuk mendekatinya. Justeru itu guru perlu memiliki sifat kecindan bagi mewujudkan suasana yang mesra dan ceria.

Konsep *mudarris* menurut Imam al-Ghazali pula, guru perlu menanamkan niat bahawa mereka mengajar demi menyelamatkan pelajar mereka dari kesengsaraan di akhirat kelak. Dengan ilmu yang disampaikan, guru berusaha agar ia mampu memberi manfaat, agar pelajar boleh menggunakannya dengan sebaik mungkin. Mereka juga berharap agar ilmu tersebut boleh menjadikan pelajar mereka sebagai insan yang berjaya dan berbudi pekerti tinggi. Oleh yang demikian, seseorang guru yang baik ialah bukan sahaja mementingkan pencapaian akademik pelajar supaya menjadi cemerlang, tetapi dalam masa yang sama mengharapkan agar mereka menjadi seorang yang berguna, taat dan patuh kepada agama dan negara.

An-Nashmy (1980) mencadangkan supaya guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah yang memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini pelajar akan memberi tumpuan yang padu dan dapat mengingat pelajaran dengan lebih cepat dan bertahan lebih lama. Untuk mencapai hasrat ini guru haruslah pandai memilih pendekatan yang sesuai dan teknik yang menarik dan ditambah pula dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang canggih dan menarik.

Dalam konteks *mudarris* ini, guru Pendidikan Islam seharusnya menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan pedagogi pengajaran seperti pendekatan, kaedah pengajaran, teknik dan strategi pengajaran yang perlu mereka aplikasikan dalam setiap mata pelajaran yang diajar. Selain itu sebagai seorang *mudarris* perlu menguasai ilmu khat yang baik kerana khat merupakan satu kesenian dan dapat menarik minat pelajar. Dengan menguasai ilmu-ilmu ini sudah tentu pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan kerana guru telah merancang dengan teliti dan menguasai teknik-teknik yang akan digunakan dalam pengajaran dengan mengambil kira gaya pembelajaran pelajar yang berbeza.

Guru Pendidikan Islam Sebagai Mu'addib

Perkataan *mu 'addib* boleh diterjemahkan sebagai pembentuk adab yang diambil dari perkataan *addabayaaddibu ta'diban* yang bermaksud penyucian atau membersihkan seseorang daripada kekotoran. *Ta'dib al-sabiyin* ertinya mendidik anak dengan tarbiyyah yang solehah dan bebas daripada perbuatan cela dan kotor (Anis et al. 1972)

Menurut Shalaby (1976), *ta 'dib* menurut beliau ialah pendidikan di peringkat istana khususnya pada zaman kerajaan Bani Abbasiah dan gurunya bergelar *mu'addib*. *Ta'dib* berasal dari perkataan adab yang bermaksud budi pekerti.

Menurut Hassan Langgulung (1991), penggunaan istilah *ta'dib* lebih tepat untuk pendidikan kerana *ta'dib* bukan sekadar mengajar sahaja dan tidak pula meliputi makhluk lain selain manusia. Istilah *ta'dib* merangkumi istilah *ta'lim* dan *tarbiyyah* serta mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep ilmu dalam Islam. Konsep *ta'dib* menurut sunnah mempunyai matlamat untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi muslim yang berilmu, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri mereka sebagai hamba Allah yang bertakwa.

Konsep *ta'dib* pula merupakan proses mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia dalam pembinaan dan pembangunan diri insan. *Tadib* juga meliputi proses pembentukan akhlak, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan seseorang insan.

Konsep *ta'dib* dalam pendidikan ialah merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis, dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkahlaku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Seorang guru perlu menjadi seorang yang sentiasa menjaga dan menepati waktu, janganlah amalkan sikap lewat masuk ke dalam kelas, guru menzahirkan tutur kata, tingkah laku yang baik dan nasihat yang berguna (Ahmad Mohd Salleh, 2003).

Kajian oleh Halimah Harun (2006) pula mendapati beberapa faktor penting yang membantu kepada sikap dan motivasi guru adalah suasana kelas seperti tingkah laku pelajar, motivasi pelajar, suasana iklim sekolah, sokongan daripada pihak sekolah, dan hubungan baik dengan guru-guru sekolah. Justeru dalam melaksanakan tugas sebagai *mua'ddib*, guru Pendidikan Islam perlu menguasai ilmu berkaitan kemahiran profesional seperti kemahiran mengajar dalam bilik darjah termasuk pengurusan waktu, ilmu psikologi pelajar, ilmu motivasi serta ilmu tasawuf kerana dengan penguasaan ilmu berkenaan bukan sahaja menampilkan guru yang baik tetapi boleh menjadi teladan kepada murid-murid untuk dicontohi. Sebagai muaddib hendaklah bersih fizikal dan rohani dari sifat-sifat yang buruk supaya murid menghormati guru tersebut. Mereka juga perlu memiliki ilmu peradaban dan juga moral kerana guru juga berhadapan dengan pelajar yang bukan Islam yang seharusnya juga diberi perhatian oleh guru pendidikan Islam. Seseorang guru itu mempunyai akauntabiliti terhadap taraf pencapaian, kemajuan serta kelakuan murid-murid yang diajarnya.

Guru Pendidikan Islam sebagai *Murabbi*

Murabbi merupakan salah satu peranan yang perlu dimainkan oleh seorang guru agama. Menurut Kamarul Azmi et al. (2007), secara dasarnya konsep tarbiyyah merujuk kepada; Proses menjaga, membesar, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah kanak-kanak serta memupuk bakat serta kebolehan yang wujud dalam diri mereka dengan dorongan yang beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh kanak-kanak tersebut. Konsep *murabbi* yang perlu diamalkan oleh guru termasuklah mengenali diri pelajar, bergaul mesra serta mempamerkan sikap sayang terhadap mereka. Menurut al-Ghazali sifat kasih dan sayang dari seorang guru terhadap pelajar perlu dizahirkan umpama anak sendiri melalui sentuhan keibubapaan (Kamarul Azmi et al. 2007).

Abdul Halem (2002) menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. juga menarik minat dan perhatian para sahabat dengan bersoal jawab, menyentuh, menggunakan bahan bantu mengajar, menghadapkan wajah kepada mereka, membuat hubungan mata, membuat lakaran atau ilustrasi, menyusun idea, membuat gaya atau bahasa badan, kawalan kelas yang baik serta menggunakan benda-benda sekeliling yang dapat dilihat. Kepelbagaian kaedah pengajaran oleh Rasulullah s.a.w. ini telah mampu memberi pendidikan yang berkesan kepada para sahabat baginda.

Dalam konteks guru pendidikan Islam sebagai *murabbi*, guru perlu menguasai ilmu pendidikan yang berkaitan psikologi, kaedah-kaedah pengajaran Rasulullah s.a.w. dan tokoh-tokoh Islam kerana telah terbukti berkesan untuk digunakan dalam pengajaran serta mendalami ilmu berkaitan komunikasi kerana ilmu-ilmu ini dapat menjalinkan hubungan yang baik antara guru dan pelajar. Jika guru sebagai *murabbi* tidak menguasai ilmu ini sudah tentu mereka tidak dapat menyesuaikan bahan dan cara penyampaian

pengajaran dengan berkesan kerana guru itu perlu memahami latar belakang muridnya supaya timbul perasaan kasih terhadap anak murid sebagaimana mereka menghadapi anak sendiri.

Guru Pendidikan Islam sebagai Mursyid

Perkataan *mursyid* bermaksud memberi petunjuk yang berasal dari kata kerja *arshada* atau *irshad*. Konsep *irsyad* menurut al-Quran mengandungi maksud petunjuk, jalan petunjuk, pemimpin yang memberi petunjuk dan petunjuk ke jalan yang benar. Kepimpinan merupakan teras penting bagi diri setiap pendidik. Sikap sebagai pemimpin yang dipamerkan oleh guru akan menentukan corak serta suasana yang berlaku di dalam mahupun di luar bilik darjah.

Menurut Kamarul Azmi et al. (2007) konsep irsyad ialah proses memberi arahan, panduan, bimbingan dan petunjuk serta menjaga, mengikuti, menasihati dan memimpin ke jalan yang benar. Dalam aspek amalan pengajaran guru pendidikan Islam, guru menurut konsep *irsyad* adalah merujuk kepada kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri pelajar (JERIS) sebagai insan soleh.

Menurut Kamarul Azmi et al. (2007) antara ciri guru pendidikan Islam yang mursyid ialah bersikap adil terhadap pelajar, mengamalkan ciri musyawarah, mempamerkan sikap tegas, mempamerkan sifat kepimpinan yang mesra kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat, menampilkan kepimpinan berhikmah, mencetuskan idea untuk maju dan berjaya, bertindak pantas terhadap isu yang dihadapi oleh pelajar, menggalakkan daya kepimpinan di kalangan pelajar, mengawal suasana pembelajaran dan kelas dengan berkesan, membimbing pelajar membuat keputusan dan mengaitkan tanggungjawab pelajar sebagai khalifatullah.

Kepimpinan yang berhikmah wajar ditonjolkan oleh guru. Pendekatan sebegini akan mewujudkan suasana selesa bagi diri pelajar untuk mengikuti pengajaran guru. Menurut Ahmad Mohd.Salleh et al. (2003) guru Pendidikan Islam hendaklah mengamalkan ciri musyawarah dengan mengadakan perbincangan dalam kumpulan. Sebagai mursyid guru juga perlu memimpin para pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam sebarang aktiviti sehingga mampu menjana sifat kepimpinan dalam diri mereka.

Seorang guru hendaklah bersungguh-sungguh mencetuskan semangat pelajar untuk maju dan meningkatkan daya kepimpinan mereka. Sememangnya kepimpinan demokratik menjadi amalan dalam pengajaran guru untuk meningkatkan penyertaan pelajar dalam sebarang aktiviti terutamanya P&P (Omarin Ashaari, 1999).

Kesimpulannya, untuk menjadi guru pendidikan Islam yang bersifat mursyid guru perlu menguasai ilmu syariah dengan mendalam dan melaksanakannya sebagai tiang agama kerana peribadi seorang guru itu tertakluk dengan hukum Allah S.W.T. Selain itu sebagai seorang mursyid juga perlu mempunyai ilmu kepimpinan dan pengurusan kerana kecekapan guru menjalankan tugasnya akan mewujudkan suasana sosioemosi yang selesa, disiplin kelas yang baik dan lebih kondusif bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya ilmu kepimpinan guru mempamerkan sifat kepimpinan yang mesra bukan sahaja terhadap pelajar dan guru, tetapi juga mesra terhadap ibu bapa pelajar dan masyarakat sekeliling. Dengan ini akan memberi keselesaan kepada guru pendidikan Islam untuk memudahkan mereka berinteraksi antara satu sama lain berkaitan perkembangan pelajar.

Guru Pendidikan Islam sebagai Mu'alim

Perkataan *allama* didefinisikan sebagai "*Uamafulan al-Shai'ta 'liman ja 'alabu yuta 'allamabu.*" Dalam ilmu morfologi Arab apabila fi'il ditukarkan kepada wazan fa'ala, ini akan membawa maksud banyak kali melakukan sesuatu, ada ulangan atau melakukan sesuatu secara berperingkat- peringkat (Anis et al.1972:624).

Dalam konteks pendidikan, *ta'lim* merujuk kepada proses pemindahan dan penyampaian ilmu daripada guru kepada pelajarnya. Justeru itu menjadi syarat penting bagi seseorang guru atau mu'allim memahami, mendalami dan menghayati bidang ilmu yang akan disampaikan kepada anak didiknya.

Guru pendidikan Islam mestilah mempunyai ciri-ciri sebagai seorang *mu'allim* antaranya ialah mesti memiliki ilmu pengetahuan dan menguasai ilmu tersebut, menghargai dan meningkatkan ilmu, menepati fakta apa yang akan disampaikan kepada pelajar, menyepadukan ilmu intra dan inter bidang, menguasai

huraian sukatan pelajaran, mengetahui isu semasa, menggalakkan percambahan ilmu dan merangsang pemikiran pelajar melalui Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis, memahami konteks ilmu, mempelbagaikan sumber ilmu, menguasai kemahiran jawi, menggalakkan pembelajaran sendiri, mengaplikasikan ilmu dan menjelaskan idea dan menggalakkan budaya penyelidikan. (Kamarul Azmi et al.2007).

Dalam konteks guru pendidikan Islam sebagai *mua'llim* ini guru perlu menguasai ilmu dengan mendalam terutama bidang-bidang yang diajar di sekolah dan mengetahui kaedah pengajaran Ibadat, Akidah, Akhlak, Tilawah al-Quran dan Sirah serta Kemahiran Belajar dan Berfikir dalam Pendidikan Islam. Sebagai seorang *mua'llim*, guru juga mesti mempunyai ilmu menggunakan teknologi terkini sebagai kaedah dan teknik pengajaran-pembelajaran. Di antara ilmu teknologi yang perlu dikuasai ialah komputer, ICT, blog, laman web dan lain-lain. Penguasaan ilmu-ilmu tambahan adalah penting kerana guru pendidikan Islam hari ini berhadapan dengan murid-murid yang berada pada zaman teknologi. Justeru, semua guru sewajarnya menjadikan diri mereka sebagai *role model* yang mesti diikuti oleh anak didiknya.

Perkara ini merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pendidik khususnya guru pendidikan Islam untuk menghayati konsep 5M bagi membina kualiti diri selaku guru yang profesional dan berilmu serta menjadi guru yang terbaik dengan persediaan yang rapi dan mantap meliputi ilmu pengetahuan, peribadi yang baik, mempunyai kewibawaan yang tinggi serta keterampilan diri bagi menjalankan tanggungjawab sebagai guru Pendidikan Islam

PENGUASAAN ILMU TEKNOLOGI MAKLUMAT

Maklumat dan Komunikasi (ICT) menjadi alat pemangkin utama untuk menyebarkan dan menyimpan maklumat sejajar dengan dasar dan polisi pembangunan negara menunjukkan Malaysia amat menitikberatkan penggunaan ICT dalam pendidikan (Robiah et.al 2007). Pada masa kini penggunaan peralatan berasaskan teknologi begitu meluas dalam semua bidang kehidupan. Dalam era globalisasi yang berpaksikan kepada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembangunan dalam bidang pendidikan begitu mementingkan pembudayaan serta penguasaan ICT dalam kalangan pelajar (Robiah et.al 2007 ; Habib Mat Som & Megat A.Kamaluddin 2008).

Penggunaan teknologi sememangnya memberi implikasi baru yang lebih efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekaligus akan menyumbang kepada kelancaran dalam pendidikan (Norazah & Ngau Chai Hong 2009) yang melibatkan semua subjek termasuklah bidang Pendidikan Islam. Kenyataan ini selari dengan pandangan Norasikin et.al (2005) yang menyebut tentang Perisian Multimedia Tajwid dalam pengajaran Tilawah al-Quran sebagai satu inovasi dalam Pendidikan Islam. Menurut beliau, kelebihan perisian yang berasaskan multimedia ini telah menjimatkan masa, tenaga dan kos.

Menurut Zoraini Wati (1997) komputer boleh juga digunakan untuk mengajar kebanyakan subjek termasuk Pendidikan Islam, namun tidak semua topik sesuai diajar melalui komputer. Komputer boleh melakukan lebih banyak aktiviti berbanding bahan bantu mengajar yang lain (Rusdina 1993). Walau bagaimanapun masih terdapat dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam yang tidak mahu menggunakan teknologi maklumat atau ICT berasaskan komputer sebagai bahan bantu belajar apatah lagi menggunakan internet. Menurut (Wan Khairuddin & Ab. Halim 2008), persepsi guru Pendidikan Islam terhadap teknologi maklumat dan komunikasi dalam P&P adalah pada tahap sederhana.

Kajian lain juga mendapati terdapat guru pendidikan Islam yang masih belum mampu menguasai penggunaan BBM seperti bahan mengajar berasaskan internet, penggunaan slaid dan komputer, grafik, video, kaset dan penggunaan gambar rajah (Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim 2010).

Menurut (Shamsul A.B. et al. 2004) konsep dan pedagogi literasi, yang dahulunya berdasarkan teks yang dicetak, dianggap tidak memadai lagi dalam konteks proses pembelajaran sekarang. Pelajar kita mesti mempunyai kemahiran menggunakan komputer. Ia mesti celik komputer atau celik IT untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan maklumat dalam pengajiannya. Dengan adanya konsep pendidikan berdasarkan multimedia interaktif dan teks pengajian dalam bentuk imej di kaca monitor komputer, satu lagi anjakan paradigma pedagogi telah berlaku: daripada yang berasaskan 'teks bercetak' kepada berasaskan 'imej digital'.

Pemupukan terhadap budaya teknologi maklumat dan komunikasi merupakan satu cabaran besar

dalam penggubalan kurikulum sekolah di negara kita pada hari ini. Dalam usaha melahirkan guru pendidikan Islam yang mahir menggunakan komputer dan internet, seharusnya mereka mengikuti latihan agar guru pendidikan Islam tidak ketinggalan dengan perkembangan teknologi khususnya dalam internet dan ICT. Justeru, guru-guru Pendidikan Islam di Malaysia seharusnya peka dengan perkembangan semasa dan merebut peluang yang ada untuk mengambil kelebihan dan keistimewaan aplikasi multimedia ini bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam itu sendiri.

CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

Guru pendidikan Islam hari ini menghadapi banyak cabaran khususnya dalam melaksanakan pengajaran untuk melahirkan Muslim yang soleh yang dapat membangun diri, keluarga dan masyarakat ke arah yang direndahkan Allah S.W.T. Guru menghadapi cabaran dalam melaksanakan persekitaran kelas atau kuliah selari dengan prinsip-prinsip ajaran Islam. Mengikut Kamus Dewan edisi keempat, cabaran diertikan sebagai sesuatu yang menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi. Antara cabaran yang sering di hadapi oleh guru Pendidikan Islam ialah:

Ketidaktepatan Memahami Peranan Sebagai Guru Pendidikan Islam

Cabaran ketidaktepatan guru dalam memahami konsep pendidikan Islam dan peranan mereka di sekolah. Sekiranya dibuat kajian berapa ramai guru lebih bersikap menjalankan tugas bagi memenuhi arahan daripada pihak tertentu sahaja berbanding melaksanakan amanah yang dipikul kerana mencari keredaan Allah. Guru akan kurang berusaha menentukan pembelajaran yang berkesan dan lebih mudah memenuhi keperluan pihak pentadbiran kerana mereka sering diperhatikan dan dihargai oleh pihak atasan. Oleh itu mereka mengabaikan keperluan pelajar di bilik darjah. Ini menimbulkan rasa tidak ikhlas di dalam diri guru dalam mendidik. (Ishak Haron, 1993).

Mereka lupa bahawa Islam memandang tinggi kepada ahli-ahli ilmu. Guru adalah *murabbi*, *muallim*, *mudarris*, alim atau ulama di kaca mata Islam. Mereka menyampaikan ilmu-ilmu Allah supaya setiap yang dididiknya mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat (Ahmad Mohd Salleh, 1999).

Oleh itu guru Pendidikan Islam seharusnya sentiasa melakukan amalan muhasabah diri kerana seorang guru itu perlu mengetahui, memahami dan menghayati isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam melangkaui batasan sukatan pelajaran. Guru juga perlu mengetahui dengan luas berkaitan pedagogi dan psikologi pembelajaran di samping melengkapkan diri dengan kemahiran pengurusan bilik darjah (Nik Azis Nik Pa, 1993). Perkara yang penting juga ialah sebagai seorang guru Pendidikan Islam guru harus mempamerkan sifat-sifat terpuji yang dapat diterima oleh pelajar, masyarakat dan juga rakan sekerjanya.

Minat dan Perspektif Murid Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Kebanyakan pelajar berpandangan bahawa Pendidikan Islam hanyalah salah satu dari mata pelajaran yang terdapat di sekolah. Bagi pelajar yang beragama Islam, mereka diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran ini. Ramai di antara mereka yang bersungguh-sungguh menguasai mata pelajaran ini semata-mata untuk memperoleh A di dalam keputusan peperiksaan sedangkan fungsi Pendidikan Islam jauh lebih besar daripada itu (Che Noraini Hashim, 2005).

Menurut Azman Wan Chik, (1987) ini harus disedari oleh semua guru pendidikan Islam kerana tugas mereka tidak hanya terhad kepada memberi pengetahuan agama sahaja sebagaimana yang digariskan dalam sukatan pelajaran tetapi juga menanam minat dan cinta terhadap agama yang menjadi pegangan hidup mereka. Justeru itu, guru seharusnya memainkan peranan yang penting dengan menerangkan hakikat Pendidikan Islam bahawa ia mempunyai dua tujuan besar iaitu untuk memberi pengetahuan agama Islam kepada pelajar sebagai satu pelajaran bagi tujuan peperiksaan dan peranan yang paling utama ialah untuk membimbing pelajar agar menghayati agama Islam untuk tujuan amalan dan penghayatan. Oleh itu selain pelajar dapat menguasai fakta-fakta untuk tujuan peperiksaan, mereka juga harus dibimbing untuk mengamalkan dan menghayati agama Islam dalam kehidupan harian. Tugas yang kedua ini merupakan suatu tugas yang besar dan tersirat dalam melaksanakan tugas sebagai guru Pendidikan Islam.

Cabaran Pelaksanaan dan Budaya Sekolah

Kebanyakan sekolah pada hari ini lebih menumpukan kepada aspek kecemerlangan akademik seperti

mengadakan program motivasi, bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan dan lain- lain lagi. Aktiviti-aktiviti bercorak pemupukan nilai kurang mendapat sambutan. Contohnya aktiviti gotong-royong, ceramah kerohanian dan sebagainya lagi (Shahril Marzuki & Habib Mat Som, 1999). Hal-hal berkaitan program-program sekolah dan ini berkait rapat dengan sistem pengurusan sekolah. Persekitaran sekolah yang kurang selesa serta pelaksanaan aktiviti- aktiviti berkaitan kegiatan kokurikulum yang tidak selari dan seiring dengan pernyataan falsafah Islam juga menjadi cabaran kepada guru di sekolah.

Oleh yang demikian guru Pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menerapkan nilai dan akhlak yang mulia di sekolah. Perkongsian maklumat dan ilmu amatlah penting kerana kejayaan sebuah sekolah dan institusi pendidikan itu bukan bergantung pada kecemerlangan akademik semata-mata. Pihak pengurusan hendaklah mempunyai misi dan wawasan yang jelas berlandaskan budaya, nilai dan akhlak yang didokong oleh semua warga sekolah dan institusi pendidikan. Sesungguhnya jika setiap warga sekolah, pengetua, guru, kakitangan sehingga kepada pelajar menghayati nilai-nilai akhlak ini, sudah tentu sekolah yang kondusif berdasarkan nilai-nilai Islam dapat diwujudkan.

Cabaran Globalisasi

Globalisasi memberi kesan yang baik dan buruk, namun era globalisasi masa kini akan mengundang keburukan sekiranya ia tidak dibatasi dengan nilai-nilai agama. Menurut Habib Mat Som et al.(2008) Malaysia sebagai sebahagian daripada komuniti kehidupan global pada realitinya juga tidak terlepas dari menghadapi kemelut sosial yang sedang melanda masyarakat dunia masa kini. Pelajar mempunyai banyak pilihan untuk mendapatkan maklumat dengan menggunakan internet dan sebagainya. Dunia tanpa sempadan ini telah membuka ruang kepada pelbagai gejala negatif yang mendorong golongan pelajar untuk mengikuti arus kemodenan ini. Dengan era globalisasi yang sedang melanda Malaysia sekarang, sekiranya tidak dihayati dengan ajaran dan didikan Islam akan berlakulah penyimpangan sosial. Oleh demikian, guru Pendidikan Islam berperanan di sekolah dengan menitikberatkan pendidikan akhlak dan mereka juga seharusnya mempamerkan akhlak yang baik kepada pelajar. Justeru, amalan dan penghayatan terhadap akhlak akan mendorong pembentukan peribadi yang dapat membangunkan modal insan yang terpuji dan mulia.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Pada keseluruhannya kertas konsep ini telah membincangkan konsep berilmu di kalangan guru pendidikan Islam dalam konteks negara Malaysia. Perbincangan mencakupi tentang konsep berilmu, penguasaan ilmu, cabaran yang dihadapi oleh golongan pendidik terutama guru pendidikan Islam. Oleh itu, sebagai cadangan dan saranan dalam meningkatkan keilmuan profesionalisme keguruan Pendidikan Islam di Malaysia guru mesti mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai murni yang unggul bagi menjadikan diri mereka sebagai pendidik yang berwibawa, mampu membangunkan sistem pendidikan negara yang berkualiti. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia seharusnya mewajibkan guru-guru pendidikan Islam mengikuti latihan peningkatan profesionalisme tanpa pengecualian.

Guru-guru pendidikan Islam juga perlu diberi peluang yang sama untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Justeru itu seorang guru yang profesional sentiasa mencari jalan dan memikirkan bagaimana pendekatan yang terbaik dari segi penyampaian ilmu dan maklumat serta kemahiran kepada muridnya. Guru pendidikan Islam di Malaysia harus menerima hakikat bahawa kehidupan adalah dinamik dan seorang guru itu harus terus belajar, mengkaji dan membuat refleksi diri. Mereka seharusnya bersifat terbuka dan sanggup untuk mengikuti latihan peningkatan profesionalisme yang telah disediakan.

Guru Pendidikan Islam juga seharusnya menguasai ilmu teknologi atau ICT dan tidak sewajarnya hanya menjadi pengguna tetapi bersedia untuk meneroka dan menjana teknologi tersebut. Guru-guru pendidikan Islam juga perlu melengkapkan diri dengan mengikuti kursus- kursus dan latihan dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Guru-guru Pendidikan Islam seharusnya diberikan kemudahan teknologi maklumat seperti komputer riba kerana kajian yang telah dijalankan menunjukkan pelajar-pelajar berminat kepada penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Oleh yang demikian sudah sewajarnya kita perlu ada anjakan paradigma dalam P&P bagi mencapai

keberkesanan yang memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dari segi sumber rujukan serta komunikasi dan sokongan terutama dalam menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan Islam. Selain itu guru pendidikan Islam perlu mewujudkan jaringan dan hubungan dengan ilmuwan Muslim di tanah air dan di peringkat antarabangsa serta menguasai bidang pengkhususan masing-masing secara mendalam.

PENUTUP

Dalam membangunkan profesionalisme perguruan dan pendidikan yang berorientasikan pembinaan insan yang berakhlak maka seseorang guru itu harus memiliki sifat seorang pemikir, seorang yang suka mencari ilmu secara berterusan, kreatif, inovatif berpandangan jauh dan prihatin terhadap pembinaan generasinya.

Di samping penguasaan ilmu yang berkaitan pengkhususan, ilmu- ilmu sampingan yang lain dan kemahiran mengaplikasikan kemajuan ICT dalam Pendidikan Islam juga seharusnya dimanfaatkan oleh guru Pendidikan Islam secara berterusan dan mereka perlu menyedari tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dalam menjalankan tugas khalifah Allah di muka bumi.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1): 43-56.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izahm Hamzah & Masribanun bt Duki. 2007. Penilaian Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Amalan Kepimpinan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan*. 17 (1): 33-50
- Abdel Haleem, M. 2002. *The prophet Muhamad as a teacher: Implications for hadis literature*. *The Islamic Quarterly*. 26 (2): 21-137.
- Abdul Halim el-Muhammady.1991. *Pendidikan Islam:FaUafah,Displin dan Peranan Pendidik*. Selangor: Dewan Pustaka Islam.
- Abdullah Ishak. 1989. *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur.Badan Dakwah dan Kebajikan Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. 1999. *Pendidikan Islam\ Dinamika Guru*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd. Ahmad Mohd Salleh. 2003. *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. 2011. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI pengajian Islam & j-QAF*. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Al- Quranul Karim*.
- Al-Attas, Muhammad Naquib. 1976. *Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Ghazali. 2003. *Ringkasan Ihya Ulumuddin*. Terj. Zaid Husein Al Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man
- Aminuddin Mohd. Yusof. 1990. *Kepemimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Anis, Ibrahim. 1972. *A-Mujam al-Wasit al-Mujam al-Lughawi*. Kaherah: t.pt.
- An-Nashmy, Ajil Jasim. 1980. *Ma'alimfit-tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Manar
- Azizah Lebai Nordin. 1999. Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur.Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. 22: 173-183.
- Azman Wan Chik. 1987. *Kaedah Hayati Amali*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn.Bhd.
- Che Noraini Hashim. 2005. *Keruntuban Akhlak dan Pembangunan Remaja Masa Kini: Cabaran Pendidikan Islam di Malaysia. Prosiding Wacana Pendidikan Islam(Siri4). Pendidikan Islam ke Arab Kemanusiaan Sejahtera*, hlm.27. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habib Mat Som & Megat A. Kamaluddin Megat Daud. 2008. Globalisasi dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia. *Jurnal Masalah Pendidikan* 31(1). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Halimah Harun 2006. Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Haniza Abdul Khalid*. 2003. *Attitude and Motivation Toward English as Medium of Instruction. Kertas Projek Program Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langgulung. 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. How, Lee Chan. 2007. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gejala Ponteng di kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Kertas Tesis Sarjana*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Ishak Haron.1993. *Perubahan Dalam Pengurusan Pendidikan di Malaysia Menjelang abad ke 21*. Dim Jawatankuasa Penerbitan Khas Fakulti Pendidikan (Ed), Pendidikan di Malaysia: Arah dan cabaran.hlm.204. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* (3)1.59-74.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Za'ba*.2000. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1988. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*. Kuala Lumpur.
- Khairul Rizal Ramli. 2006. *Pengurusan Modal Manusia Aspek Baru Pengurusan Organisasi*. Pemikir Edisi Januari-Mac 2006. Bil 43. Kuala Lumpur Utusan Publications
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman&Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 3 — 14.
- Mohd Safaai Said & Idris Ismail. 2003. *Pengenalan Koperasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications,
- Mohd Yusof Othman. 1998. *Isu-isu dalam Ilmu dan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Menang Sdn. Bhd.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2002. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Hamid al-Afendi & Nabi Ahmed Baloch. 1992. *Kurikulum Dan Pendidikan Guru*. 7erj. Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin & Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nik Azis Nik Pa. 1993. *Pendidikan Islam era 2020 Tasawur dan Strategi*. Dim. Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah (pnyt). Persediaan Guru Pendidikan Islam Menghadapi Negara Maju (hlm.96-98).Selangor: Tekno Edar.
- Norasikin Fabil. 2005. Aplikasi Perisian Talaqqi Musyafahah dalam Pembangunan Perisian Multimedia Tajwid, al-Bayan *Journal ofal-Quran al-Hadis hlm.83-108*.
- Norazah Mohd Nordin & Ngau Chai Hong. 2009. Pembangunan dan Penilaian Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Web - Webquest bagi Mata Pelajaran ICT. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)): 111 — 129.
- Noriah Mohamed &Yusmilayati Yunos.2009. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 27 (2): 73-86.
- Nur Uhbiyati, 1998. *Ilmu Pendidikan Islam*. Bandung: Pustaka Setia.
- Omaridin Asahaari.1999. *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar. 1995. Beberapa Aspek Falsafah Ilmu; Konsep, Definisi,Pengkelasan dan Penggunaan. *Jurnal Kesturi*,Jilid 5, Bil.2. Disember 1995.
- Pendidikan* 31. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Robiah Sidin& Nor Sakinah Mohamad. 2007. ICT dalam Pendidikan: Prospek dan Cabaran dalam Pembaharuan Pedagogi. *Jurnal Pendidikan* 32: 139-152.
- Rodiah Ahmad. 2008. Pengajaran Guru, Persekitaran Pembelajaran dan Sikap Murid dalam Pembelajaran KOMSAS. *Tesis Program Sarjana Pendidikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. 2010. Hubungan Guru-Pelajar Dan Kaitannya Dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*.35 (2): 61- 69.
- Rosni Adom.2010. *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rusdina Abdul Rahim. 1993. *Ke Arab Pengkomputeran Pengajaran Bahasa: Cakera atau fakta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sargit Singh Gill. 2006. "Hubungan Etnik Di Malaysia Ke Arah Pembentukan Masyarakat Berintegrasi" dalam Dr. Zaid Ahmad, *et al., Hubungan Etnik*. Selangor: Oxford Fajar, him. 203.
- Shahril @ Charil bin Hj Marzuki. 2002. *Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah*

- Menengah di Malaysia*. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Shahril Marzuki & Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan di Malaysia; Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shalaby, Ahmad. 1976. *Sejarah Pendidikan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shamsul A.B, Rumaizah Mohamed & Haslindawati Hamzah. 2004. *Globalisasi, Teknologi Maklumat dan Ilmu: kertas kerja Simposium Kebudayaan Indonesia- Malaysia*, pada 8-10 Oktober. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan BBM Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (2): 53-64.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd Sabri Mamat 2009. Kajian Perspeksi Pelajar terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (2):31-50.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim&Faridah Binti Che Hussain. 2008. Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*. Bil27:141-15.
- Wan Bakar Wan Dagang. 1991. *Reformasi Pendidikan Islam di Sekolah: Matlamat dan Harapan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wan Khairuddin Wan Yahya & Ab. Halim Tamuri. 2008. Aplikasi ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah dalam buku *Pengintegrasian ICT dalam Pendidikan Penyelidikan, Amalan dan Aplikasi*. Shah Alam: Publications Sdn. Bhd., him. 63.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1994. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing Sdn. Bhd.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yusuf Qardhawi. 1980. *Minhaj At- Tarbiyyah al- Islamiyyah Wamadrasah Hassan al-Banna*. Terj. Jakarta: Bulan Bintang.
- Yusuf Qardhawi. 1996. *Keutamaan Ilmu dan Kemuliaan Para Ulama' Menurut al-Quran dan al- Hadis*. Ter. M. Junaid al-Hashimi. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Zainal Abidin Abdul Kadir. 1994. *Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu*. Selangor: Persatuan Bekas Maha Siswa Islam Timur Tengah.
- Zarin bin Ismail & Ab. Halim Tamuri. 2006. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Bilik Darjah: Satu Analisis Pemerhatian*. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zoraini Wati Abas. 1997. Penggunaan teknologi maklumat komputer dalam Pendidikan Islam: Keperluan dan masalah. *Kertas Kerja Seminar Pendidikan Islam Era 2020. Tasawur dan Strategi*. Bangi: Maktab Perguruan Islam.